



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 74/2025

LIGA SUKAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) 2025 PERINGKAT KEBANGSAAN MANIFESTASI MALAYSIA MADANI, SUKAN UNTUK SEMUA

20 SEPTEMBER 2025

1. YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan, hadir menyantuni para peserta Liga Sukan Orang Kurang Upaya (OKU) 2025 Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Sembilan, hari ini.
2. Liga Sukan OKU merupakan inisiatif baharu Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) untuk membudayakan sukan dalam kalangan komuniti OKU di peringkat negeri dan kebangsaan. Matlamat utama program ini adalah untuk memperkasa komuniti OKU melalui penyertaan aktif dalam sukan, merealisasikan gaya hidup sihat secara inklusif, selain menyokong Visi Sukan Negara 2030.
3. Penganjuran Liga Sukan OKU selari dengan aspirasi Kerangka Malaysia MADANI yang menekankan teras Kesejahteraan dan Ihsan serta semangat “*No One Left Behind*” yang memberi penekanan terhadap kesamarataan dan pemeraksanaan ekosistem sukan secara inklusif.
4. Bagi edisi 2025, sebanyak tiga acara sukan dipertandingkan iaitu bola tampar duduk, futsal dan tenpin boling. Sambutan daripada komuniti OKU adalah amat menggalakkan dengan 15 siri Liga Sukan OKU di peringkat negeri telah membabitkan 5,448 penyertaan. Peringkat kebangsaan pula memperlihatkan penglibatan seramai 1,097 peserta termasuk atlet, jurulatih, pengurus, pengiring dan pegawai teknikal. Secara keseluruhan, jumlah penyertaan Liga Sukan OKU tahun ini mencecah 6,545 orang.
5. Berbeza dengan kejohanan lain, Liga Sukan OKU ini tidak menetapkan had umur maksimum (bermula dari 15 tahun ke atas) serta membolehkan pasukan disertai atlet dengan pelbagai bentuk ketidakupayaan termasuk fizikal, intelektual, visual dan pendengaran. Pendekatan unik ini bukan sahaja memperluas penyertaan, malah memperkukuh nilai kesukanan, semangat kebersamaan dan keterangkuman dalam kalangan masyarakat.

6. Selain berfungsi sebagai medan pertandingan, Liga Sukan OKU turut menjadi wadah pembangunan sahsiah, pemeraksanaan kemahiran sosial dan pembinaan karakter dalam kalangan peserta. Lebih daripada itu, liga ini juga berperanan sebagai platform pencungkil bakat baharu yang berpotensi untuk digilap dan diketengahkan ke pentas yang lebih tinggi seperti Para SUKMA, Para ASEAN serta Paralimpik.
7. Majlis turut dihadiri oleh YB Senator Tuan Isaiah D. Jacob, Ahli Dewan Negara; YB Dato' Noorzunita Begum binti Mohd Ibrahim, Exco Kerajaan Negeri Sembilan (Wanita, Keluarga dan Masyarakat) serta YB Dato' Haji Mustapha bin Nagoor, Exco Kerajaan Negeri Sembilan (Pembangunan Belia dan Sukan) dan YBrS. Puan Azura binti Abidin, Ketua Pengarah JBSN.
8. Untuk maklumat lanjut mengenai Liga Sukan OKU 2025, sila hubungi Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) di talian 03-8871 3324 atau e-mel jbsn@kbs.gov.my

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

